



# Umpan baik

## tentu dipilih ikan

■ Bersainglah secara sihat, berlumba bawa kebaikan

**S**aya mulakan tulisan ini dengan memetik dua rangkap syair yang dinukilkan oleh Raja Ali Haji, seorang tokoh pemimpin dan ilmuwan Melayu yang memerintah Riau antara 1808 hingga 1873.

Raja Ali Haji menulis syair ini pada bahagian akhir kitab tatanegara beliau yang berjudul 'Thamarat al-Muhimmah'.

Kitab ini menghuraikan pelbagai hal berkaitan politik dan kepimpinan. Ketika beliau membahaskan soal penting berhubung politik dan pemerintahan, beliau mengambil kesempatan mengingatkan pemimpin dan rakyat jelata supaya sentiasa menjaga adab sopan dan menjaga kejernihan akal budi dalam menjalankan tanggung jawab dan amanah kepimpinan.

Beliau mengkritik keras segala perlakuan biadab dan perilaku yang buruk. Lihat rangkap syair berikut:

*Setengah orang fikir keliru  
Tidak mengikut pengajaran guru  
Tutur dan kata haru biru  
Kelakuan seperti hantu pemburu  
Tingkah laku tiada kelulu  
Perkataan kasar keluar selalu  
Tidak memikir aib dan malu  
Bencilah orang hilir dan hulu*

Ketika bahang kehangatan am-bang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) sedang memuncak, kita dipamerkan dengan pelbagai gelagat politik oleh pemimpin, penyokong dan juru kempen.

Tak kurang juga mereka yang tumpang sekaki menyibuk mengambil peluang mencari laba. Memang tiada salah bagi sesiapa

pun merayakan kebebasan kerana itu juga sebahagian daripada lunas demokrasi.

Namun, kebebasan itu janganlah sampai menggadai nilai keluhuran akal budi dan jati diri bangsa.

Khuatir benar melihatkan tutur kata dan perilaku sebahagian mereka yang terbabit dalam persaingan politik kebelakangan ini.

Nampaknya perkara yang dulu menjadi sesuatu amat segan disebut kini galak bermain di-bibir. Ikut saja lidah yang tak bertulang. Pada era siber ini, bukan lidah saja yang tidak bertulang, tetapi ke-lincuhan jari jemari mengetuk papan kekunci dan menulis kata-kata yang amat cemar, jelik dan biadab.

Lawatilah blog, Facebook dan Twitter yang banyak sekarang, mesti terjumpa bermacam tulisan, komentar, tuduhan, penghinaan, pembohongan dan pengaiban.

Galak sungguh berkempen hingga terlupa nilai kesopanan. Setiap hari membaca akhbar ada saja insiden yang berlaku akibat keghairahan berkempen.

Ada insiden baling telur, ada juga yang cedera bergaduh kerana poster dan bendera parti, perbuatan khianat dan berbagai lagi.

Di alam siber pula tuduh-menuduh, hina-menghina tak usah cerialah! Macam-macam ada. Soalnya kenapa masyarakat kita jadi begitu? Adakah kerana politik kepartian yang diamalkan maka semuanya jadi membujur lalu melintang patah?

Sepatutnya sudah 12 kali melalui pilihan raya masyarakat kita semakin matang. Kita seharusnya

lebih faham erti persaingan dalam sistem demokrasi.

Kenapa perlu bergaduh? Kenapa perlu mengaibkan lawan politik? Kenapa perlu bertindak ganas?

Ucapan tahniah patut dirakamkan kepada Saiful Bahri Bahruddin selaku Ketua Pemuda Barisan Nasional (BN) Terengganu yang tegas melarang penayangan video lucu sebagai bahan kempen.

"Jika saya dapati ada berlaku perkara ini memang sewajarnya Pemuda BN dan pimpinan beri arahan supaya hentikan," beliau dipetik sebagai berkata.

Ini cuma satu contoh yang memperlihatkan situasi apabila pemimpin mesti mengambil pendirian tegas terhadap sesuatu perkara yang tidak dapat diterima oleh nilai tempatan.

Ini sikap yang mesti diambil oleh mana-mana parti politik yang bertanding. Dalam sistem demokrasi, persaingan politik yang sihat tetap akan memberi kebaikan kepada rakyat.

Demokrasi yang subur hanya akan wujud apabila masyarakat dapat didewasakan mengikut lunas yang betul.

Rakyat yang matang akan berupaya menilai dengan saksama siapakah yang dapat memberikan kebaikan yang lebih banyak kepada rakyat.

Rakyat berhak menilai segala janji dan manifesto yang dihidang kepada mereka. Tiada siapa yang boleh memaksa seseorang memilih dirinya.

Tiada siapa yang boleh mengugut dan menakutkan sesiapa dalam menunaikan kewajipan se-

bagai pengundi.

Calon pilihan raya bolehlah diumpamakan sebagai peserta pertandingan memancing yang ingin mendapatkan ikan sebanyak mungkin.

Semua peserta sudah pasti menyediakan umpan terbaik bagi menarik perhatian ikan di kolam. Ikan pula berhak memilih umpan manakah yang mereka suka dan sesuai dengan selera.

Ikan akan memilih mana-mana umpan yang disukai tanpa dipaksa atau diugut oleh sesiapa. Maka berjayalah sesiapa yang dapat menyediakan umpan paling menarik sesuai dengan selera ikan.

Demikian perumpamaan untuk calon dan parti politik yang bersaing dalam pilihan raya.

Kepada calon pilihan raya, bersainglah secara yang sihat dan beradab. Dengan prinsip fastabiqul khayrat (al-Baqarah 148) iaitu berlumbalah dalam menawarkan kebaikan kepada rakyat.

Berkempenlah dengan berhemah kerana rakyat mahu melihat pemimpin yang ikhlas, berkemampuan dan mesra rakyat. Jangan salahkan rakyat jika mereka menolak pemimpin yang hanya menjenguk lima tahun sekali.

Jangan salahkan rakyat jika mereka menolak pemimpin yang perilakunya bagai dibayangkan dalam rangkap syair Raja Ali Haji di atas.

Moga keharmonian negara sentiasa terpelihara.

**Penulis Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia**